

1. Isikan tempat kosong dengan **PENANDA WACANA** yang disediakan dalam petk bagi ayat-ayat di bawah ini.

lebih-lebih lagi	semenjak itu	akhirnya
walaupun bagaimanapun		selepas itu

- a. Pada waktu tengah hari, rombongan kami singgah di Taman Peranginan Anduki untuk makan tengah hari. _____, rombongan kami bertolak ke Kuala Belait.
- b. Setelah bertungkus-lumus selama beberapa tahun, _____ dia berjaya menjadi seorang usahawan.
- c. Shafik berlatih bersungguh-sungguh untuk menjuarai kejohanan badminton tersebut, _____ dia merupakan juara bertahan selama tiga tahun berturut-turut.
- d. Encik Suhaili terlibat dalam kemalangan jalan raya patahun lepas. _____ dia takut untuk menunggang motosikal.
- e. Satu kejadian banjir besar telah berlaku di Kampong Subok semalam. _____ tiada kemalangan jiwa dilaporkan.

2. Tuliskan semula senarai **PERKATAAN** yang terdapat dalam petak pada ruang yang disediakan mengikut jenisnya.

terjatuh	mengunyah	luar	selatan	berehat
belakang	atas	berkicau	terbang	lereng

KATA KERJA

KATA ARAH

3. Masukkan **ERTI PERIBAHASA** di bawah pada peribahasa yang sesuai.

- Cair.
- Menerima apa sahaja yang ditugaskan.
- Gembira kerana sesuatu.
- Betapa berat kita melihat kesusahan orang lain, berat lagi orang yang menanggung.
- Kalah atau menang sama akibatnya, sama-sama menanggung rugi.

a. Pak sanggup.

b. Senang hati.

c. Jadi air.

d. Kalah jadi abu, menang jadi arang.

e. Berat mata memandang, berat lagi bahu memikul.

4. Pilih **JENIS-JENIS AYAT** yang sesuai bagi ayat di bawah.

Ayat Tanya	Ayat Penyata	Ayat silaan
Ayat Larangan		Ayat seru

- a. Sila dating ke kedai saya. (_____)
- b. Awak sudah makan? (_____)
- c. Eh, cepatnya kamu sampai! (_____)
- d. Adik saya suka makan aiskrim berperisa anggur. (_____)
- e. Wah, besarnya rumah baharu abang! (_____)
- f. Jemputlah makan kuih yang saya hiding. (_____)
- g. Usah diusik sarang tebuan itu. (_____)
- h. Bagaimanakah keadaan awak sekarang? (_____)
- i. Harap jangan berludah di sini. (_____)
- j. Abang saya akan melangsungkan perkahwinan pada minggu hadapan.
(_____)

5. Tuliskan semula ayat-ayat di bawah dengan membubuh **TANDA BACA** yang betul.

a. "Berapakah harga buku itu" tanya Liza

b. Nah ambil barang-barang kamu

c. Perut saya sakit, kata adik kepada emak.

d. Jika cuaca mengizinkan Aiman dan Naem akan bertolak ke Temburong esok

e. Janganlah berebut rebut semasa membeli makanan di kantin

6. Isikan tempat-tempat kosong dengan **KATA HUBUNG** yang disediakan.

padahal	bahawa	sementara	agar	lalu
----------------	---------------	------------------	-------------	-------------

- a. Kita mesti ingat _____ tanggungjawab seorang ibu amat besar.
- b. Tetamu itu berdiri _____ turun ke serambi untuk berbual-bual.
- c. Saya berharap _____ kamu semua tidak bermain ketika guru tiada di dalam kelas.
- d. Nabilah pura-pura tidak tahu berita baik itu, _____ dia telah lama mengetahuinya.
- e. _____ menanti padi masak, Haji Bujang menanam jagung berdekatan sawahnya.